

CNS0318

R GB 08-07 00162 BH283

aab

Mahathir

MALAYSIA TIDAK KETEPIKAN DASAR PANDANG KE TIMUR, KATA MAHATHIR
Daripada Abdul Rahman Sulaiman

Paris, 8 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan bahawa Malaysia telah menggugurkan dasar "Pandang ke Timur" dan mula berjinak-jinak semula dengan Barat kerana dasar itu gagal mencapai matlamat yang dikehendaki.

Perdana Menteri berkata dakwaan itu tidak benar sama sekali kerana Malaysia tidak pernah memutuskan hubungannya dengan mana-mana negara Barat.

Sebaliknya, memang menjadi dasar Malaysia untuk mempelbagaikan hubungannya dengan mana-mana negara juga yang mahu bersahabat dengannya.

"Lebih banyak negara yang kita ada hubungan baik, maka lebih baik bagi kita," katanya kepada para wartawan Malaysia di sini.

Dr Mahathir yang sedang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Perancis berkata langkah Malaysia menjalin hubungan rapat dengan negara bukan sahabat tradisional seperti Perancis merupakan sebahagian daripada matlamat kerajaan menjamin masa depan negara supaya tiak bergantung kepada satu pihak sahaja. -- Lagi

08/07/10-37MST

CNS0329

R GB 08-07 00172 BH284

aab

Mahathir 2 Paris

Beliau mengulas dakwaan sesetengah media Barat yang kononnya Malaysia telah menggugurkan dasarnya memandangi ke Timur dan kembali memandangi ke Barat yang sering dikritik.

Perdana Menteri berkata memang benar dahulu Malaysia cuma berhubung rapat dengan negara sahabat tradisi yang berbahasa Inggeris seperti Britain.

Kemudian kita perkenalkan dasar pandang ke Timur untuk mencontohi perkara-perkara yang baik yang terdapat di Timur.

"Tetapi saya sering juga katakan bahawa di samping keburukan-keburukan yang terdapat di Barat, terdapat juga kebaikan-kebaikan di Barat yang boleh kita pelajari," jelas beliau.

Katanya sekarang Malaysia sudah mencapai keseimbangan dari segi mendapatkan ilmu pengetahuan dan peluang perniagaan di Timur dan Barat.

Sebagai contoh beliau menyebut hubungan Malaysia-Perancis di mana Malaysia akan dapat menikmati pelbagai faedah dari segi pelaburan, ilmu pengetahuan dan pendidikan.

Sambil membayangkan bahawa hubungan dua hala Malaysia-Perancis akan menjadi lebih erat dari sekarang, Perdana Menteri berkata secara kebetulan Perancis baru sahaja menetapkan dasarnya untuk mengadakan hubungan lebih rapat dengan negara-negara Asean. -- Lagi

08/07/10-56MST

aab

Mahathir 3 Paris

"Oleh kerana mereka melihat negara kita sebagai sebuah negara yang dinamik dari segi perkembangan ekonominya, mereka ingin mengadakan hubungan yang rapat dengan kita dan berminat untuk mengambil bahagian yang lebih besar dalam usaha pembangunan kita," katanya.

Dr Mahathir yang sejak dua hari lalu berbincang dengan Presiden Francois Mitterrand dan Perdana Menteri Edouard Balladur berkata Perancis bersetuju menawarkan peluang tempat belajar bagi penuntut-penuntut Malaysia di samping menawarkan kursus-kursus ijazah lanjutan dalam bidang perubatan.

Katanya dalam perbincangan dengan syarikat-syarikat Perancis, mereka juga bersetuju mengadakan peluang latihan untuk rakyat Malaysia dalam usaha memindahkan teknologi mereka.

"Apa yang saya khuatir ialah kesediaan orang muda kita datang ke sini untuk belajar. Ini kerana mereka harus mempelajari bahasa Perancis terlebih dahulu," katanya. -- Lagi

▼08/07/11-00MST

R GB 08-07 00140 BH286

aab

Mahathir 4 Paris

Perdana Menteri menegaskan bahawa beliau sering menqingatkan mengenai pentingnya generasi muda Malaysia menguasai sekurang-kurangnya satu bahasa asing di samping bahasa ibunda mereka untuk memajukan lagi negara di masa hadapan.

"Kita mahukan ada orang di Malaysia yang boleh berbahasa Inggeris, Perancis, Arab dan sebagainya. Ini dasar kita tetapi kurang diberi sambutan".

Beliau berpendapat masalah ini wujud akibat rasa kurang yakin pada diri sendiri sehingga ada yang berpendapat perlunya diperkuatkan identiti diri melalui Bahasa Melayu.

"Kalau kita yakin pada diri kita, kita boleh belajar apa sahaja bahasa dan menguasai ilmu dalam bahasa itu tanpa bimbang kehilangan identiti diri."

"Apabila kita menguasai pelbagai ilmu, kita akan menjadi maju dan dipandang tinggi dan orang lain pula akan mempelajari Bahasa Melayu untuk berurusan dengan kita," tegas beliau. -- Lagi

▼08/07/11-04MST

CNS0340

R GB 08-07 00144 BH289

aab

Mahathir 5 (Akhir) Paris

Sebelum itu, Perdana Menteri diraikan pada jamuan makan tengah hari oleh Perdana Menteri Balladur yang turut dihadiri usahawan-usahawan Perancis.

Beliau dihujani dengan pelbagai pertanyaan mengenai dasar ekonomi Malaysia dan bantahannya terhadap langkah mengaitkan soal upah buruh dengan perdagangan antarabangsa.

Dr Mahathir menjelaskan satu ketika dahulu negara-negara maju termasuk Perancis pernah menggunakan kanak-kanak sebagai tenaga buruh dengan upah yang rendah.

Malaysia kini mungkin di tahap itu dalam proses pembangunannya dan dengan demikian adalah tidak adil untuk mengaitkan kadar upah dengan perdagangan antarabangsa.

Katanya persaingan di antara negara kecil dengan negara besar tidak boleh berlangsung di atas padang yang rata kerana langkah serupa itu samalah dengan pertarungan antara si kerdil dengan gergasi.

Walaupun padang yang digunakan rata, si kerdil tentu akan kalah juga.